



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 25 JANUARI 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	ORANG RAMAI PERLU LAPOR AKTIVITI BOM IKAN, NEGERI PERAK, SH -25 LIMA JUTA BENIH IKAN AIR TAWAR AKAN DILEPASKAN DI SUNGAI PERAK, NEGARA, KOSMO -12 LIMA JUTA BENIH IKAN BAKAL DILEPASKAN DI PERAK, KOSMO -ONLINE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4. 5.	IKAN SELAR SEJUK BEKU RM9k DIRAMPAS, LOKAL, HM -12 RM460 JUTA LAKSANA PKPN TINGKAT TARAF HIDUP NELAYAN, SH -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
6.	BROKER JADI TEMPAT BERGANTUNG HIDUP, NEGARA, KOSMO -7	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
7.	MAQIS RAMPAS 9,000KG IKAN SELAR SEJUK BEKU, NASIONAL, BH -19	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
8. 9. 10.	BANTU PKS, MSC PULIH, BISNES, HM -25 AGROBANK, SJPP BEKERJASAMA BANTU USAHAWAN PULIH AKIBAT COVID-19, BISNES, SH -30 AGROBANK, SJPP BANTU PULIHKAN PKS, NIAGA, KOSMO -37	AGROBANK
11.	IMPORT AYAM CETUS KRISIS HARGA, PERSAINGAN BEKALAN, NASIONAL, BH -2	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/1/2022	SINAR HARIAN	NEGERI PERAK	25

Orang ramai perlu lapor aktiviti bom ikan

TAPAH - Orang ramai perlu melaporkan sebarang aktiviti menangkap ikan terutama di sungai yang menggunakan kaedah dilarang.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, kaedah seperti menuba dan menggunakan bom boleh memberi kesan terhadap populasi dan spesies ikan sungai sedia ada yang menjadi mata pencarian nelayan darat.

Menurutnya, kementerian melalui Jabatan Perikanan sendiri menerima laporan dan aduan daripada kumpulan nelayan mengatakan banyak aktiviti pengeboman ikan telah dilakukan.

“Jadi, buatlah laporan supaya pihak berkuasa dapat ambil tindakan kepada mereka yang tidak bertanggungjawab ini.

“Kita pun ada mewujudkan pasukan pemantau yang membuat rondaan secara

berkala dengan harapan kehadiran pasukan ini sekurang-kurangnya dapat menakutkan mereka,” katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan program Pelepasan Benih Ikan ke Perairan Umum Sungai Batang Padang di Kampung Dusun Muda, di sini pada Isnin.

Pada majlis itu, lebih 10,000 benih ikan daripada spesies lampam dan terbul dilepaskan.

Dalam perkembangan sama, Ahmad berkata, sebanyak 5 juta benih ikan air tawar pelbagai spesies antaranya kelah, temoleh, kelisa dan baung akan dilepaskan secara berperingkat di sungai-sungai di Perak, tahun ini.

“Kita berharap dengan usaha dilakukan Jabatan Perikanan ini akan dapat memperkayakan semula ikan asli di perairan umum Perak bagi manfaat lebih 3,000 nelayan darat di negeri ini,” katanya.



Ahmad melakukan pelepasan benih ikan di perairan umum Sungai Batang Padang, Tapah pada Isnin.



AHMAD melepaskan benih ikan air tawar ke sungai pada Program Pelepasan Benih Ikan di Sungai Batang Padang. Tapah semalam.

Lima juta benih ikan air tawar akan dilepaskan di sungai Perak

TAPAH - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Jabatan Perikanan (DOF) bercadang melepaskan lima juta benih ikan air tawar di sungai-sungai di seluruh Perak tahun ini.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, cadangan itu adalah sebahagian daripada langkah untuk menambatkan populasi ikan air tawar yang semakin berkurangan di negeri itu.

"Disebabkan beberapa kea-

daan yang tidak dapat dielakkan, populasi ikan (air tawar) semakin berkurangan terutamanya kehadiran ikan-ikan yang tidak diinginkan berada di dalam sungai.

"MAFI melalui Jabatan Perikanan bercadang melepaskan lima juta benih ikan di dalam sungai-sungai di Perak dan kita harap cara ini akan dapat menambah populasi ikan air tawar," katanya selepas melepaskan 10,000 benih ikan lampan dan terbul pada Pro-

gram Pelepasan Benih Ikan ke Perairan Umum Sungai Batang Padang di Kampung Dusun Muda di sini semalam.

Katanya lagi, setiap tahun hampir dua juta ekor benih ikan terdiri daripada pelbagai spesies dengan nilai hampir RM500,000 dilepaskan di negeri ini.

Beliau turut menambah, lebih 3,000 tan ikan sungai pula telah didaratkan di Perak pada 2020 melibatkan nilai RM45 juta.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/1/2022	KOSMO	ONLINE	

Lima juta benih ikan bakal dilepaskan di Perak



TAPAH – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Jabatan Perikanan (DOF) bercadang melepaskan lima juta benih ikan air tawar di sungai-sungai di Perak tahun ini.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, pelepasan benih ikan yang terdiri daripada pelbagai spesies tersebut akan dilepaskan secara berperingkat-peringkat.

Menurut beliau, ia sebahagian daripada langkah diambil kerajaan dalam menambah habitat ikan air tawar yang semakin berkurangan

memandangkan ia merupakan sumber rezeki kepada nelayan darat.

“Disebabkan beberapa keadaan yang tidak dapat dielakkan populasi ikan (air tawar) semakin berkurangan terutamanya kehadiran ikan-ikan yang tidak diingini berada di dalam sungai.

“Jadi MAFI melalui jabatan perikanan bercadang melepaskan lima juta benih ikan di dalam sungai-sungai di Perak dan kita harap cara ini akan dapat menambah populasi ikan air tawar,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas melepaskan 10,000 benih ikan lampan dan terbul pada Program Pelepasan Benih Ikan ke Perairan Umum Sungai Batang Padang, di Kampung Dusun Muda, di sini hari ini. – K! ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/1/2022	HARIAN METRO	LOKAL	12

Ikan selar sejuk beku RM9k dirampas

Kangar: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Padang Besar merampas sembilan tan ikan selar sejuk beku dari Thailand dianggarkan bernilai RM9,000, Jumaat lepas.

Maqis dalam satu kenyataan semalam memaklumkan pihaknya menahan sebuah lori sejuk beku yang membawa masuk ikan tersebut tanpa Permit Import sah di Unit Pemeriksaan Kargo Maqis, Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Padang Besar pada jam 11 pagi.

“Kes disia-

sat mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh dihukum mengikut Seksyen 11(3) akta sama,” menurut kenyataan itu.

Menurut Maqis, pihaknya dimaklumkan ikan selar sejuk beku tersebut mendapat permintaan tinggi di negara ini terutama di sekitar Selangor.

Sehubungan itu, Maqis meminta semua pemain industri supaya sentiasa mematuhi peraturan ditetapkan oleh kerajaan atau akan berdepan tindakan undang-undang.



IKAN selar sejuk beku (gambar bulat) yang dirampas dari lori yang ditahan Maqis.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/1/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

RM460 juta laksana PKPN tingkat taraf hidup nelayan



Ronald (empat dari kiri) selepas Majlis Pecah Tanah Projek PSN di Benting Lintang di sini pada Isnin.

BESUT – Kerajaan telah menyalurkan peruntukkan berjumlah RM460 juta setakat ini bagi melaksanakan Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN) sebagai usaha meningkatkan taraf hidup komuniti nelayan berpendapatan rendah di seluruh negara.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, peruntukan melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) itu melibatkan projek bina baharu rumah nelayan, baik pulih rumah nelayan dan Penempatan Perumahan Semula Nelayan (PSN).

Menurutnya, daripada jumlah itu, sebanyak RM197 juta diperuntukkan untuk program PSN di seluruh negara dengan 1,772 rumah telah diluluskan pembinaannya sehingga 30 November lalu.

“Bagi kategori baik pulih, sebanyak 23,511 rumah nelayan sudah dibaiki melibatkan kos keseluruhan RM247 juta manakala RM14 juta lagi disalurkan untuk membina 253 rumah baharu nelayan,” katanya ketika berucap pada Majlis Pecah Tanah Projek PSN di Benting Lintang di sini pada Isnin.

Mengulas lanjut, Ronald berkata, sebanyak 150 rumah nelayan telah diluluskan untuk program PSN di Terengganu melibatkan peruntukkan sebanyak RM13 juta.

Beliau berkata, rumah dengan prasarana asas itu dibina di tiga lokasi iaitu Pulau Sekepeng di Kemaman, Kampung Seberang Penarik di Setiu dan Kampung Benting Lintang di Besut bagi membolehkan golongan nelayan dapat menikmati kualiti hidup yang lebih baik serta selesa.



Ronald ketika berucap pada Majlis Pecah Tanah Projek PSN di Benting Lintang di sini pada Isnin.

“Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Jawatankuasa Induk PKPN dipertanggungjawabkan untuk menimbang dan meluluskan permohonan PKPN.

“Bagi Program PSN pula, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) merupakan agensi pelaksana yang dipertanggungjawabkan untuk memantau

pelaksanaan projek dan memastikan projek siap mengikut jadual yang ditetapkan,” katanya.

Jelas Ronald, kerajaan melalui LKIM terus menjaga kebajikan nelayan dengan membuat caruman kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) yang memberi perlindungan kepada individu bekerja sendiri semasa bekerja.

“Untuk tahun lalu, seramai 35,200 nelayan telah dicarum dalam skim ini dan jumlah pampasan sebanyak RM113,000 telah dibayar kepada 47 orang mangsa.

“LKIM juga melalui Pinjaman Dana Nelayan telah menyediakan pinjaman mudah kepada nelayan bagi pembelian bot, peralatan baharu dan pinjaman modal operasi dengan peruntukan sebanyak RM4 juta bagi tahun ini,” katanya.

Broker jadi tempat bergantung hidup

Oleh MOHD RIFAAT ABD. HAMID

ALOR SETAR – Lembaga Kema-juan Pertanian Muda (MADA) mengakui terdapat sebilangan pesawah yang terlalu bergantung dengan broker untuk mendapatkan pinjaman bagi mengurusakan sawah masing-masing.

Pengerusinya, Ahmad Tarmizi Sulaiman berkata, dilema tersebut sudah sekian lama dihadapi segelintir daripada 57,635 pesawah di negeri ini dan Perlis setiap kali masuk musim penanaman padi.

Walaupun bagaimanapun katanya, amalan berhutang dalam kalangan pesawah merupakan isu subjektif dan di luar kawalan pihak MADA kerana berpunca daripada faktor tertentu.

"Banyak faktor menyebabkan mereka terpaksa berhutang selain keberantuan mereka kepada orang tengah (broker) dalam aktiviti sepanjang rantaian pengeluaran padi sangat kuat," katanya di sini semalam.



AHMAD TARMIZI

Beliau berkata, segelintir pesawah juga menjadikan entiti pemberi hutang sebagai sumber mendapatkan dana bagi tujuan selain tanam padi seperti ken-diri, persekolahan anak, kece-masan dan sebagainya.

"Jika pemilik sawah itu gagal untuk melunaskan hutang itu, maka generasi akan datang turut terikat dengan buaya belang itu sehinggalah hasil padi yang



RAMAI pesawah dikatakan terpaksa berhutang dengan pelbagai pihak untuk pusingan modal. – GAMBAR HIASAN

Menurut Ahmad Tarmizi, kesan akibat daripada keberangan hutang itu sudah pasti akan merjejaskan sosio ekonomi kehidupan pesawah sehingga berapa generasi.

Tambahnya, pendapatan pesawah akan berkurangan ekoran

pendapatan bersih perlu ditolak dengan jumlah hutang.

Kosmo! semalam melaporkan kalangan pesawah di negara ini terus tertekan mencari jalan untuk mendapatkan modal bagi menguruskan tanaman masing-masing.



KERATAN Kosmo! semalam.

mereka peroleh gagal untuk melunaskan hutang," ujarnya.

MAQIS rampas 9,000kg ikan selar sejuk beku

Padang Besar: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Padang Besar menahan sebuah lori sejuk beku, yang cuba menyeludup ikan selar sejuk beku bernilai RM9,000 dari negara jiran, Jumaat lalu.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh MAQIS Padang Besar, dalam kejadian jam 11 pagi di Unit Pemeriksaan Kargo MAQIS, Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Padang Besar, pegawai penguat kuasa MAQIS menahan lori dengan nombor pendaftaran negara jiran.

“Hasil pemeriksaan lanjut menemukan ikan selar sejuk beku seberat 9,000 kilogram (kg) dengan anggaran bernilai RM9,000,” katanya dalam kenyataan media semalam.

Katanya, siasatan lanjut mendapati pemandu lori warga asing berusia dalam lingkungan 30-an gagal mengemukakan sebarang dokumen seperti Permit Import MAQIS.

“MAQIS dimaklumkan ikan selar sejuk beku itu mendapat permintaan pasaran yang tinggi di Malaysia terutamanya di sekitar Selangor,” katanya.



SURAT tawaran bagi inisiatif ditandatangani oleh Zahid Ahmad (dua dari kanan) dan Juanita Rusmini (dua dari kiri) sambil disaksikan Tengku Ahmad Badli (tiga dari kanan) dan Chen (ketiga dari kiri).

KERJASAMA AGROBANK DAN SJPP

Bantu PKS, MSC pulih

Kuala Lumpur

Agrobank dan Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP) memeterai perjanjian bagi membantu usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan syarikat bersaiz sederhana (MSC) untuk pulih dan membangun lebih kukuh dalam fasa pemulihan di bawah Skim Jaminan Kerajaan Keluarga Malaysia.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, skim pembiayaan itu dibuka kepada kumpulan sasaran yang lebih luas iaitu kumpulan PKS dan MSC di Malaysia yang mempunyai pendapatan tahunan tidak melebihi RM250 juta.

"Skim ini dibangun berikutan Pakej Bantuan Pemulihan yang diumumkan pada 28 Jun 2021 dengan peruntukan RM20 bilion Jaminan Kerajaan di bawah Skim Jaminan Kerajaan Pe-

mulih (PGGS).

"Ia dibuka kepada usahawan yang memerlukan bantuan aliran tunai untuk pulih dan membangunkan semula perniagaan mereka dalam menghadapi fasa pemulihan ekonomi ekoran pandemik Covid-19 ketika ini.

"SME dan MSC yang memerlukan bantuan, boleh memohon dan menggunakan kemudahan pembiayaan ini untuk dijadikan modal kerja baharu atau tambahan dan/atau dijadikan modal perbelanjaan untuk membeli peralatan bagi menambah baik landskap perniagaan mereka," katanya selepas majlis menandatangani 'Surat Tawaran' pemeteraian perjanjian skim itu di antara Agrobank dan SJPP yang berlangsung ba-

Surat Tawaran itu, ditandatangani oleh Ketua Pe-

gawai Operasi Agrobank, Zahid Ahmad Zawawi dan Ketua Pegawai Operasi SJPP, Juanita Rusmini Abdul Jalil, disaksikan Tengku Ahmad Badli Shah dan Pegawai Utama SJPP, Chen Yin Heng serta delegasi pengurusan kanan Agrobank dan SJPP.

Menurut Tengku Ahmad Badli Shah, usahasama di antara Agrobank dan SJPP ini adalah bertepatan dengan hala tuju Bank pada tahun 2022, iaitu fokus untuk memudahkan proses pemulihan ekonomi di kalangan pemilik perniagaan dan menambahbaik sektor pertanian negara.

Beliau berkata, kerjasama antara Agrobank dan SJPP dalam membantu PKS untuk mendapat akses pembiayaan ini adalah khusus bagi syarikat yang terlibat dalam industri berasaskan pertanian dan ia adalah bertepa-

tan kerana sektor pertanian atau khususnya sektor agro-makanan terus berkembang sebagai salah satu enjin pertumbuhan penting bagi ekonomi negara.

Katanya, masa hadapan bagi sektor pertanian bagi dekad berikutnya kelihatan lebih cerah walaupun berdepan cabaran global seperti perubahan iklim, peningkatan populasi dan kekurangan sumber.

"Antara ciri unik skim ini adalah ia telah distruktur agar lebih banyak PKS dan MSC di Malaysia akan mendapat manfaat daripada bantuan kerajaan ini, agar mereka pulih daripada perubahan dalam pendapatan dan masalah rizab tunai yang semakin berkurangan akibat pandemik Covid-19.

"Kemudahan kewangan itu bagaimanapun, tidak boleh digunakan untuk membiayai semula kemudahan sedia ada yang diberikan oleh institusi kewangan sama atau lain yang turut mengambil bahagian," katanya.

Tawaran kepada syarikat berpendapatan tahunan tak melebihi RM250 juta

Agrobank, SJPP bekerjasama bantu usahawan pulih akibat Covid-19

KUALA LUMPUR – Agrobank dan Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP) memeterai perjanjian bagi membantu usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan syarikat bersaiz sederhana (MSC), untuk pulih dan membangun lebih kukuh dalam fasa pemulihan semasa di bawah Skim Jaminan Kerajaan Keluarga Malaysia.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, skim pembiayaan itu dibuka kepada kumpulan sasaran yang lebih luas iaitu kumpulan PKS dan MSC di Malaysia yang mempunyai pendapatan tahunan tidak melebihi RM250 juta.

“Skim ini dibangunkan berikutan Pakej Bantuan PEMULIH yang diumumkan pada 28 Jun 2021 dengan peruntukan RM20 bilion Jaminan Kerajaan di bawah Skim Jaminan Kerajaan PEMULIH.

Ia dibuka kepada usahawan yang memerlukan bantuan aliran tunai

untuk pulih dan membangunkan semula perniagaan mereka dalam menghadapi fasa pemulihan ekonomi ekoran pandemik Covid-19 pada ketika ini.

“SME dan MSC yang memerlukan bantuan, boleh memohon dan menggunakan kemudahan pembiayaan ini untuk dijadikan modal kerja baharu, tambahan atau modal perbelanjaan untuk membeli peralatan bagi menambahbaik landskap perniagaan,”katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis menandatangani ‘Surat Tawaran’ pemeteraian perjanjian skim tersebut di antara Agrobank dan SJPP yang berlangsung baru-baru ini.

Surat Tawaran itu, ditandatangani oleh Ketua Pegawai Operasi Agrobank, Zahid Ahmad Zawawi dan Ketua Pegawai Operasi SJPP, Juanita Rusmini Abdul Jalil, disaksikan Tengku Ahmad Badli Shah dan Pegawai Utama SJPP, Chen Yin Heng serta delegasi pengurusan kanan Agrobank dan SJPP.



Sesi pertukaran dokumen Surat Tawaran antara Zahid (kanan) dengan Juanita Rusmini disaksikan Tengku Ahmad Badli Shah (tiga dari kanan) baru-baru ini.

Agrobank, SJPP bantu pulihkan PKS

PETALING JAYA - Agrobank dan Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP) memeterai perjanjian bagi menyediakan pembiayaan untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan syarikat bersaiz sederhana (MSC).

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, skim pembiayaan itu dibuka ke-pada kumpulan PKS dan MSC di Malaysia yang mencatat pendapatan tahunan tidak lebih daripada RM250 juta.

"Skim ini dibangunkan berikutan Pakej Bantuan Pemulihan yang diumumkan pada 28 Jun 2021, dengan peruntukan RM20 bilion jaminan kerajaan di bawah Skim Jaminan Kerajaan Pemulihan (PGGS).

"Ia dibuka kepada usahawan yang memerlukan bantuan aliran tunai untuk pulih dan membangunkan semula perniagaan mereka dalam menghadapi fasa pemulihan ekonomi ekoran pandemik," katanya.

li Shah menjelaskan, kemudahan pembiayaan tersebut boleh dijadikan modal kerja baharu atau tambahan dan dijadikan modal perbelanjaan untuk membeli peralatan bagi menambah baik landskap perniagaan.

"Ia tidak boleh digunakan untuk membiayai semula kemudahan sedia ada yang diberikan oleh institusi kewangan yang sama atau lain yang turut mengambal bahagian.

"Kemudahan pembiayaan ini dibuka sehingga 31 Disember 2022 dan ia sangat bermanfaat bagi syarikat baharu dengan sekurang-kurangnya tempoh pengoperasian enam bulan sehingga kurang tiga tahun," tambahnya.

Sementara itu, Pegawai Utama SJPP, Chen Yin Heng berkata, SJPP komited untuk menyahurikan sokongan berterusan kepada PKS dan juga MSC menerusi pelbagai inisiatif termasuk peruntukan RM20 bilion Jaminan Kerajaan dibawah PGGS.



TENGGU AHMAD BADLI (tiga dari kanan) bersama **Yn Heng** (tiga dari kiri) menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian antara Agrobank dengan SJPP di Kuala Lumpur semalam.

Beliau berkata demikian majlis memeterai perjanjian semalam. Selain itu, Tengku Ahmad Badli dalam kenyataan bersempena antara Agrobank dengan SJPP

Import ayam cetus krisis harga, persaingan bekalan

Syarikat penternak minta kerajaan buruh kemasan buruh asing, mansuh harga kawalan

Oleh Sarahlina Halid dan Fahmy A Rosli
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Syarikat penternak menyifatkan keputusan kerajaan untuk membawa masuk ayam bulat import hanya memburukkan lagi keadaan apabila ia dikuatiri menyoetuskan krisis harga dan persaingan bekalan. Menurut mereka, langkah itu juga boleh 'menakutkan' industri tempatan apabila kebanyakan syarikat penternak akan bertindak menurunkan produktiviti kerana tidak mahu wujudkan persaingan harga antara bekalan tempatan dan import.

Pengarah Urusan Bismi Empire Sdn Bhd, Mazlina Kamarudin, berkata ketika ini penternak ayam berada dalam keadaan bertahan dan tidak berani untuk menambak bekalan selepas kerajaan memutuskan untuk membara masuk bekalan dari luar.

"Kita berpandangan mengimport ayam bulat dari negara luar boleh menyebabkan bekalan tempatan semakin terjejas, selain mewujudkan persaingan,



Syarikat penternak ayam mahu kerajaan laksanakan harga kawalan lebih bersifat 'relevan' dengan keadaan semasa. (Foto Alauddin Saad/BH)

"Kebanyakan penternak 'takut' untuk meningkatkan kapasiti berikutan bimbang adanya 'pertembungan' dengan bekalan dari luar negara," katanya pada BH, semalam.

Akhir ini semalam melaporkan, Malaysia terpaksa mencari negara sumber baharu bagi mengimport bekalan ayam disebabkan bekalan terhad dan harga tinggi yang ditawarkan oleh negara sumber sedia ada.

Sehingga kini, Malaysia belum boleh membawa masuk ayam bulat import seperti diputuskan kerajaan bulan lalu untuk menangani isu kemalangan secara mendadak harga ayam tempatan, be-

rikutan harga yang ditawarkan negara sumber, iaitu Thailand adalah tinggi.

Difahamkan, bagi sekilogram ayam bulat dari Thailand, harga yang ditetapkan adalah kira-kira RM8.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr Norliza Mohd Noor, berkata disebabkan harga tinggi ditawarkan Thailand, perancangan negara untuk membawa masuk ayam bulat import sejak Disember lalu tidak kesampaian.

Bagi mengatasi isu itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) mencadangkan kepada kerajaan supaya Malaysia mengimport da-

ri negara sumber lain, iaitu Brazil dan Denmark.

Mengulas mengesanya, Mazlina berkata, langkah mengimport sebenarnya berbahaya kepada ternak ayam sudah mengeluarkan belanja dan pelaburan yang besar.

Malah, katanya, lebih dikhuatiri sekiranya ayam yang dibawa masuk itu adalah lebih bekalan dari negara asal.

Sehubungan itu, katanya, bekalan ayam segar tempatan diyakini akan kembali pulih sekiranya kerajaan membenarkan kemasukan buruh asing untuk bekerja dalam sektor ladang, se-

Kebanyakan penternak 'takut' untuk meningkatkan kapasiti berikutan bimbang adanya 'pertembungan' dengan bekalan dari luar negara



Mazlina Kamarudin, Pengarah Urusan Bismi Empire Sdn Bhd

lain memansuhkan harga kawalan ayam.

"Sekarang kami pada peringkat ladang, harga siling bagi sekilogram ayam adalah RM6.10 sedangkan kalau nak selesai dalam keadaan ada keuntungan sedikit, harganya patut dalam lingkungan RM6.50 setiap kilogram tanpa ada harga kawalan.

"Jika harga berada pada paras RM6.50 setiap kilogram, ramai penternak ayam akan menambak kapasiti dan bila ayam sudah banyak di pasaran, harga dengan sendirinya akan jatuh," katanya.

Pengarah Azmi Fresh Chicken Sdn Bhd, Mohd Azmi Abdullah, pula berkata bekalan ayam tempatan boleh 'diselamatkan' jika kerajaan melaksanakan harga kawalan yang lebih bersifat 'relevan' dengan keadaan semasa.

Bellau berkata, jika harga kawalan itu disenangi antara pihak penternak dan pemborong, mereka lebih berani untuk meningkatkan produktiviti, sekali gus tidak perlu bergantung kepada bekalan import.

"Jika kerajaan tidak mengawal harga ayam (dengan harga sangat rendah), penternak berani mengeluarkan lebih ayam dan apabila bekalan lebih, harga akan turun," katanya.